

Headline	Dagangan rokok haram jejas daya tarikan pelaburan negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	28	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	392 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mahanum Abdul Aziz mahanum_	AdValue	RM 13,030
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,090



# Dagangan rokok haram jejas daya tarikan pelaburan negara

➔ Kerajaan rugi lebih RM5.1 bilion cukai rokok tahun lalu

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Malaysia dianggarkan mencatatkan jumlah pelarian cukai lebih RM5.1 bilion pada 2018 berikutan perdagangan rokok haram, demikian menurut laporan terkini Oxford Economics.

Penggunaan rokok haram merangkumi 59 peratus daripada jumlah keseluruhan penggunaan rokok di Malaysia tahun lalu, sekali gus menjadikan negara ini sebagai pengguna rokok haram tertinggi di dunia selepas Brazil (50 peratus), Ecuador (41 peratus), Panama (34 peratus) dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) (33 peratus).

Negeri yang mencatatkan penguasaan pasaran perdagangan rokok haram tertinggi di Malaysia ialah Sarawak (83.5 peratus); Sabah (81.3 peratus), Kelantan (78.0 peratus), Terengganu (76.5 peratus) dan Pahang (72.5 peratus).



[ FOTO HIASAN ]

**Peningkatan ketara perdagangan rokok haram** mendorong syarikat tembakau global utama menutup kilang pengeluaran mereka di negara ini.

## Masalah besar Malaysia

Laporan yang dikeluarkan firma penasihat global bebas yang berpangkalan di United Kingdom (UK) itu juga menunjukkan perdagangan rokok haram di Malaysia meningkat sejak kenaikan mengejut cukai tembakau sebanyak 40 peratus pada akhir 2015.

Penjualan rokok haram menguasai negara dengan 1,000 pek rokok haram dibeli setiap minit di Malaysia, yang mana majoritinya diseludup dari negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan Filipina.

Pengarah Perunding Impak Ekonomi, Eropah dan Asia Barat Oxford Economics, Pete Collings, berkata perdagangan rokok haram adalah masalah besar di Malaysia.

"Kesan daripada perdagangan tembakau haram melangkaui aktiviti elak cukai dan duti

kerana ia menggalakkan aktiviti rasuah berleluasa, sekali gus menjejaskan daya tarikan pelaburan negara ini," katanya ketika membentangkan laporan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Collings berkata, dengan peningkatan ketara perdagangan rokok haram mendorong syarikat tembakau global utama yang beroperasi di Malaysia seperti British American Tobacco (BAT) dan Japan Tobacco International (JTI) menutup kilang pengeluaran mereka di negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan, syarikat tembakau yang beroperasi di Malaysia itu menyokong 5,750 pekerjaan di negara ini pada 2013.

"Kilang pengeluaran (kedua-dua syarikat itu) menyumbang RM831 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan menjana penda-

patan cukai RM161 juta kepada kerajaan (berdasarkan harga 2017)," katanya.

## Syor pasukan petugas khas

Sementara itu, Bekas Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Seri Akhbar Satar mencadangkan penubuhan pasukan petugas khas yang dianggotai oleh badan penguatkuasaan di negara ini serta wakil dari syarikat tembakau untuk membanteras perdagangan rokok haram yang semakin berleluasa itu.

Pengarah Urusan British American Tobacco (Malaysia) Bhd, Erik Stoel pula berkata, pihaknya bersedia untuk memberi kerjasama penuh dengan menyediakan sumber dan sokongan terhadap usaha kerajaan bagi membanteras perdagangan rokok haram di negara ini.